

05 APR 2001

DR MAHATHIR KESAL AMERIKA INTIP CHINA

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau kesal dengan intipan yang dilakukan oleh Amerika Syarikat terhadap China kerana mana-mana negara sekalipun tidak suka diintip.

"Saya kesal insiden ini berlaku. Tidak harus ada insiden itu dan mana-mana negara di dunia pun tidak suka pengintipan dilakukan terhadap negara mereka," katanya kepada pemberita pada akhir lawatannya ke Kementerian Penerangan di sini.

Beliau diminta mengulas kejadian pesawat pengintip Amerika yang terkandas di China setelah bergesel dengan sebuah jet pejuang China dekat Hainan pada Ahad lepas. Juruterbang jet China itu dilaporkan hilang.

"Sekarang sebenarnya pengintipan boleh dibuat daripada jarak jauh, daripada satelit pun boleh, jadi saya harap perkara ini dapat diselesaikan antara mereka," katanya.

Menurut laporan agensi berita asing, krisis berhubung pesawat pengintip Amerika itu menjadi meruncing apabila kedua-dua negara saling berkeras dengan pendirian masing-masing.

Presiden China Jiang Zemin menolak permintaan Amerika supaya pesawat itu dan 24 anak kapalnya dikembalikan kepada Washington, dan menggesa Amerika meminta maaf kepada rakyat China berhubung kejadian itu.

Bagaimanapun Amerika enggan meminta maaf dan menegaskan bahawa ia tidak melakukan apa-apa kesalahan.

-- BERNAMA

AFY ES MAI